LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

JAWATAN KOSONG PROJEK FAMA

Jawatan Kosong di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) adalah sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut :

1. JURUPROSES GRED K2 – 1 Kekosongan

Taraf Jawatan : **Anggota Projek FAMA (Kontrak)**

Penempatan : **Pusat Memproses Makanan FAMA (PMMF) Kuala Nerang, Kedah**

Gred / Jadual Gaji : Gred K2

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)
RM1,550.00	RM3,000.00	RM80.00

Elaun – Elaun : Elaun Kedatangan : RM75.00

Syarat Lantikan : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

i) Warganegara Malaysia;
ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
iii) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
iv) Syarat kemasukan ini berbeza berbanding dengan syarat kemasukan (kelayakan) ke jawatan bertaraf tetap dan berbeza dalam perkhidmatan awam.

Bidang Tugas :

i) Melaksanakan kerja-kerja kebersihan dan penyelenggaran kawasan kilang, stor serta ruang pemprosesan madu.
ii) Mencuci dan memastikan kebersihan botol, tong serta peralatan pemprosesan madu.
iii) Melaksanakan proses pengeluaran madu termasuk pengisian, pembotolan, pelabelan dan pembungkusan produk.
v) Mengurus penyimpanan produk siap di stor mengikut prosedur yang ditetapkan.
vi) Melaksanakan kerja pembungkusan dan pelabelan produk sabun berasaskan madu.
vii) Memantau dan merekod baki stok label, botol serta kotak dan melaporkan kepada Eksekutif Operasi pada setiap akhir bulan.

CARA MEMOHON :

(a) Permohonan hendaklah dibuat dalam **Borang FAMA 1-08p**.

(b) Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil SPM atau SVM atau SKM Tahap 2/3, Sijil-sijil persekolahan yang **telah disahkan** dan lain-lain keterangan kelayakan yang disyaratkan.

(c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Kuasa-kuasa Tempatan hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing yang disertakan dengan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini.

(d) Semua permohonan hendaklah dinyatakan jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat.

ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP :

Permohonan hendaklah sampai kepada:

Pengarah FAMA Negeri Kedah
Pejabat FAMA Negeri Kedah
No.101-C Kawasan Perusahaan Mergong
Jalan Perak
05150 Alor Setar
Kedah

Sebelum atau pada : **29 NOVEMBER 2026 (AHAD)**

CATATAN AM :

1. Calon-calon diingatkan bahawa hanya mereka yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga.
2. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **tidak berjaya**.